

Gubal kerangka kerja AI berdasarkan maqasid syariah

Oleh Dr Mohamed Fateh Labanieh dan Dr Hafidz Hakimi Haron

Kecerdasan buatan (AI) mempengaruhi segenap aspek kehidupan seharian kita, sekali gus berperanan dalam menentukan haluan termasuk dalam sektor kritikal seperti pendidikan, perbankan, ekonomi, perundangan mahupun politik.

Di sebalik pandangan optimis terhadap AI, teknologi itu mampu mengganggu-gugat perkembangan manusia hingga tokoh teknologi tersohor, seperti Elon Musk dan Bill Gates menyuarakan kekusaran mengenai hala tuju AI kerana berpendapat ia mampu memberikan kesan buruk terhadap nilai manusiawi serta peradaban manusia.

Malah, kajian terkini diterbitkan *Journal of Applied Psychology* mendapati AI mampu memberikan kesan negatif terhadap kesihatan fizikal dan mental pekerja.

Selain itu, teknologi pemalsuan wajah atau deepfake yang digunakan untuk mengajuk suara termasuk mencipta

rakaman palsu turut digunakan bagi tujuan jenayah penipuan seperti di China.

Permasalahan itu membuka dimensi perbincangan baharu dalam kalangan pemikir masyarakat dan sarjana terutama bagaimana untuk memastikan AI dapat dilaksanakan dalam suasana selamat, menghormati lunas moral serta beretika.

Usaha mencapai matlamat itu digerakkan di Barat dengan mewujudkan beberapa garis panduan dan prinsip asas untuk memastikan AI tidak melampaui batas nilai manusiawi seperti IEEE Ethically Aligned Design, Microsoft AI Principles dan Google's AI Principles.

Hakikatnya, kita perlu mewujudkan kerangka perundangan bersifat lebih holistik dan bertundukan nilai Islam yang dibina berlandaskan lima matlamat dalam maqasid syariah, iaitu memelihara agama atau hifz ad-din; nyawa (hifz an-nafs); kehormatan dan keturunan (hifz an-nasl); kemurnian fikiran dan kewarasan akal (hifz al-aql) serta pemilikan dan penguasaan harta (hifz al-maal).

Kerangka perundangan AI menggunakan maqasid syariah sebagai tunjangnya mampu mengelakkan masyarakat daripada terjerumus dan menerusi teknologi AI.

Perlindungan terhadap struktur sosial dianjurkan maqasid syariah berseesuaian objektifnya, iaitu mencapai kebaikan (maslahah) dan mengelakkan keburukan (mafsadah).

Dalam mencapai aspirasi ini, terdapat beberapa cara maqasid syariah mampu mendukung dalam mencapai matlamat dengan memberi faedah sejagat.

Kerangka kerja asas AI bagi mana-mana sistem perlu patuh syariah. Dalam erti kata lain, sistem AI dibina bagi tujuan mempromosikan konsep, idea, mahupun kandungan bertentangan nilai asas agama Islam seperti LGBTQ perlu ditegah.

Sementara itu, sistem AI perlu dibina berhati-hati dan tidak boleh digunakan untuk merosakkan mahupun mendatangkan kecederaan dan bahaya terhadap manusia.

Oleh itu, sistem AI perlu memberi penekanan terhadap melindungi kesucian terhadap kehidupan manusia dengan memberikan keutamaan perlindungan kepada kesihatan dan keselamatan berbanding keutamaan lain.

Dilakukan secara fitrah oleh manusia

Contohnya, kenderaan pemandu perlu dipastikan benar-benar selamat digunakan, malah ia juga terpakai kepada teknologi kesihatan seperti pembangunan vaksin.

Rangka kerja AI perlu memastikan ia tidak akan mempengaruhi penciptanya, iaitu manusia. Ini penting kerana sekiranya tidak dipantau, ia mampu mengurangkan autonomi seseorang individu, mengganggu proses fitrah dalam membuat keputusan dan lebih buruk, mempengaruhi serta mengawal tingkah laku manusia.

Matlamat ini boleh dicapai sekiranya kerangka kerja AI dapat memastikan ia tidak akan menggantikan keupayaan manusia secara mutlak, sebaliknya digunakan untuk memperkasa kreativiti dan kebijaksanaan insan sedia ada.

Ia seterusnya dapat memastikan

pembelajaran berterusan dapat dilakukan secara fitrah oleh manusia. Ini penting bagi memastikan kemurnian dan kewarasan akal dapat dipelihara serta diperkukuh.

Akhir sekali, kerangka kerja AI perlu menjamin ia mengambil kira terhadap perlindungan ekonomi dan kekayaan insan kerana umum teknologi itu sedikit sebanyak menggantikan beberapa cabang pekerjaan sebelum ini dikawal selia secara terus oleh manusia.

Sekiranya hal itu dibiarkan, ia mampu membawa malapetaka besar dalam masyarakat seperti peningkatan masalah mental dan kadar jenayah akibat tekanan ekonomi disebabkan hilangnya mata pencarian.

Lantaran itu, dengan menjunjung matlamat maqasid syariah yang menjamin keselamatan harta, hal ini mampu dicegah dengan menyediakan program peningkatan kemahiran mampu membolehkan seseorang beradaptasi dengan perubahan permintaan pasaran kerja.

Di sebalik keghairahan kita mengejar kemajuan teknologi AI, perkara asas mendukung nilai manusiawi perlu diutamakan. Nilai ini dapat dipelihara melalui pengubalan undang-undang khusus terhadap kerangka kerja AI bersifat autoritatif yang menggunakan maqasid syariah sebagai tunjangnya.

Melalui pengubalan undang-undang sedemikian, ia bukan sahaja mampu memacu tamadun kemanusiaan kepada kemajuan, malah mampu melindungi kepentingan manusia berlandaskan prinsip asas termaktub dalam ajaran Islam syumul.

“Sistem AI perlu dibina berhati-hati dan tidak boleh digunakan untuk merosakkan mahupun mendatangkan kecederaan dan bahaya terhadap manusia”

